

SALWANI MD ZAIN salwani@sinarharian.com.my

Warisan kuda kepang sumber pendapatan

Sinar 9/9/13 MSR

"Tidak semua orang tahu menilai seni, jadi untuk menyuburkan warisan, Wak rasa ini sahaja cara berkesan agar permainan kuda kepang ini tidak pupus begitu sahaja," kata Ketua Kumpulan Kuda Kepang Sinar Warisan, Kampung Sungai Nibong, Batu Pahat, Johor, Naim Marjani, atau dikenali Wak Naim, 72.

Baginya, dunia kuda kepang sudah sehati dengan hidupnya sejak penglibatannya berusia 18 tahun. Kini ia menjadi sumber pendapatan menyara keluarga.

"Minat saya dikongsi dengan sesiapa sahaja melalui bengkel dan kursus kraf tangan ini," katanya.

JADI RUJUKAN PELAJAR

Wak Naim berkata, menggunakan kemahiran pada usia emas ini, tidak sekalipun terdetik rasa bosan untuk menganyam kuda. Malah dia sering dijadikan tempat rujukan terutama pelajar universiti mendalami bidang ini.

"Selain berkemahiran menganyam, Wak juga boleh membuat

mengikut kreativitinya.

Menceritakan ukiran kuda, dia tidak pernah berguru mahupun belajar secara formal membuat kuda, dan semua itu dizahirkan mengikut apa yang terlintas difikiran.

"Mungkin sebab minat, jadi Wak boleh anyam kuda.

"Lagipun Wak sendiri membuat persembahan itu, kerja seni itu tidak menjadi satu bebanan," katanya.

Selain menerima undangan persembahan, kuda kepang Wak ditempah sebagai hiasan dan turut mendapat perhatian pengarah filem *Pontianak Harum Sundal Malam 2* sebagai prop.

"Wak tidak menetapkan harga, tetapi jumlah dihulurkan itu selalunya lebih. Ada kalanya mencecah RM200 sekeping," katanya.

Selain dijual, kuda kepang boleh disewa persembahan di majlis perkahwinan.

"Bayaran sewa itu tidak ditetapkan, tapi mungkin ramai tahu menilai kehalusan pembuatan kuda kepang ini, ada yang sanggup membayar lebih," katanya.



Kuda kepang hasil kraftangan Wak Naim.

(PKKM) Negeri Johor. "Pada waktu itu mereka sedang mencari pembuat anyaman kuda kepang. Setelah bertemu Wak dan berbincang, bengkel kraf tangan Sinar Warisan ditubuhkan pada 2002," katanya.

Jelasnya, bengkel itu ditubuhkan sebagai usaha memulihara kesenian yang ada di Negeri Johor. Apabila tertubuhnya bengkel itu, dia mula mendapat bantuan dari pihak perbadanan kebudayaan.

"Kira-kira RM5,000 diperuntukkan bagi membina bengkel dan membuat kuda kepang. Bagaikan orang mengantuk disorongkan bantal, Wak memang cukup terharu dengan perhatian yang diberikan, justeru, pelbagai aktiviti, kursus dan

agenda dirangka," katanya.

Seterusnya, pada 2005, bengkel kraf tangan Sinar Warisan sekali lagi mendapat peruntukkan dari PKKM untuk penambah baikkan bengkel.

"Apabila tertubuhnya bengkel, hasil kreativiti Wak mula mendapat perhatian umum serta liputan media elektronik dan cetak tempatan.

"Bengkel juga turut menjadi rujukan pelajar universiti tempatan dan swasta menjalani latihan ilmiah. Segala usaha Wak untuk mengetengahkan warisan ini disambut baik semua pihak, malah sokongan juga tidak putus-putus," katanya.

Memikirkan masa depan, kebimbangan terpancar diraut wajahnya kerana walaupun kesinambungan permainan ini berjaya menarik minat golongan muda, namun tidak diwarisi.

"Anak-anak Wak semuanya tidak minat menguruskan bidang ini, jadi Wak berharap dengan tertubuhnya bengkel, kesenian kuda kepang terus menjadi bualan bukan sahaja kalangan veteran malahan remaja hinggalah kanak-kanak.

"Kita sepatutnya berbangga inilah warisan teragung yang tidak mampu dicipta oleh orang lain," katanya.



persembahan, jadi pakej sebagai sifu dalam bidang ini lengkap.

"Wak mengalu-alukan sesiapa sahaja berminat datang ke sini dan mempelajari sendiri," katanya.

Menurutnya, dari segi penghasilan kuda, dia boleh menyiapkan seekor kuda dalam tempoh lima hari. Dia menggunakan bahan utama seperti buluh dan rotan.

"Kalau dulu, Wak guna buluh sahaja, tapi kini menggunakan rotan untuk dijadikan bingkai, sebatang buluh boleh menghasilkan dua keping kuda," jelasnya.

Tegasnya, tiada pantang larang mahupun mahupun unsur spiritual perlu diamalkan sebelum membuat kuda. Sebagai orang berpengalaman, Wak Naim hanya

BINA BENGKEL

Sebelum penubuhan bengkel, pembuatan kuda kepang adalah sekadar kerja sambil-an Wak Naim bagi menampung keperluan keluarga. Namun siapa sangka, hasil kerja kreatif itu mendapat perhatian Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia

Wak Naim mengikat buluh untuk dijadikan bingkai kuda kepang.



Setelah dianyam, proses melukis dan mewarna dilakukan.

